

05 OCT 2003

Mahathir-Singapura

M'SIA TUNGGU KEPUTUSAN TRIBUNAL ISU PENAMBAKAN SELAT JOHOR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menunggu keputusan Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut (ITLOS) di Hamburg, Jerman mengenai bantahannya terhadap kegiatan penambakan laut oleh Singapura di Selat Johor sebelum mengambil tindakan selanjutnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata biarlah mahkamah membuat keputusan akhir mengenainya.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas tindakan Singapura yang meneruskan kerja-kerja penambakan di Selat Johor walaupun kes itu sedang dikemukakan di tribunal itu.

ITLOS dijadual mengeluarkan penghakiman berhubung kes berkenaan pada 8 Okt selepas Singapura dan Malaysia membentangkan hujah masing-masing berhubung kegiatan penambakan laut itu.

Ditanya sama ada tindakan Singapura itu `subjudis', beliau berkata: "Dia (Singapura) bukan faham itu semua."

"Di negara kita dipimpin oleh doktor dan di negara dia lawyer (peguam)," katanya sinis semasa ditanya pemberita selepas melancar dan menyaksikan perlumbaan Kejohanan Bot Laju F1 Grand Prix Malaysia di Mines Resort City, Seri Kembangan di sini.

Ditanya pula mengenai cadangan penggunaan mikrocip pada cek bagi mengelakkan penyelewengan, beliau berkata kita perlu melihat keberkesananannya dahulu.

"Orang kita pandai tipu. Tak ada kerja lain," katanya merujuk kepada kejadian penipuan cek dua buah kerajaan negeri melibatkan berjuta-juta ringgit yang didedahkan minggu lepas.

Menyentuh pencapaian Malaysia dalam menganjurkan pertandingan grand prix bertaraf antarabangsa seperti Bot Laju F1 itu, Dr Mahathir berkata ia bukan sahaja berjaya menarik lebih ramai peserta antarabangsa datang ke negara ini untuk bertanding, tetapi turut menarik penonton dunia.

Sebagai contoh kejohanan Bot Laju F1 untuk kali ketiga ini telah menarik lebih ramai peserta serta penonton dari luar negara berbanding kejohanan di tahun-tahun yang lepas, katanya.

Beliau berkata siaran langsung pertandingan itu ke 60 negara hari ini memberikan gambaran jelas kepada penduduk dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang selamat dan aman, tanpa sebarang masalah.

Selain itu ia menangkis dakwaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbahaya, katanya.

Perdana Menteri yakin kerajaan akan terus menggalakkan penganjuran aktiviti sukan yang bertaraf antarabangsa walaupun selepas beliau bersara nanti.

Mengenai pencapaian rakyat Malaysia dalam acara sukan peringkat antarabangsa, Perdana Menteri berkata: "Semakin baik. Kita tidak boleh jadi champion (juara) sekali kita cuba."

Beliau berkata untuk mencapai kejayaan, usaha berterusan perlu diambil bagi memastikan pencapaian peserta negara semakin baik.

-- BERNAMA

HK NM RON